
PERBANDINGAN FAKTOR-FAKTOR KEAGRESIFAN YANG MEMPENGARUHI PENGLIBATAN PASUKAN BOLA BALING UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS DI KEJOHANAN TERBUKA UPSI 2019

Amir Syazwan Aminudin & Mon Redee Sut Txi

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

Published online: 28 June 2021

To cite this article (APA): Aminudin, A. S., & Sut Txi, M. R. (2021). Comparison of aggressiveness factors that influenced the involvement of the handball team of Universiti Pendidikan Sultan Idris at the UPSI open tournament 2019. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 10(1), 73-80. <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol10.1.10.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jsspj.vol10.1.10.2021>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor keagresifan yang mempengaruhi penglibatan pasukan bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Kejohanan Terbuka UPSI 2019. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang pemain bola baling pasukan UPSI ($n=30$; lelaki=15, perempuan=15) yang menyertai Kejohanan Terbuka UPSI 2019. Instrument yang digunakan untuk mengukur faktor keagresifan atlet adalah melalui borang soal selidik '*The Judgments about Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire*' (JAMBYSQ), yang menilai tahap perkembangan moral atlet, norma pasukan terhadap keagresifan, dan kemungkinan yang digambarkan sendiri untuk menyerang pihak lawan. Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina (lelaki dan perempuan) dengan keagresifan $t(28)=0.353, p=0.727, p>0.05$. Berdasarkan kepada soal selidik JAMBYSQ yang dikemukakan telah dikenalpasti bahawa faktor yang paling ketara yang menyebabkan berlakunya keagresifan di kalangan pemain adalah disebabkan oleh akibat tindak balas dari pihak lawan dan disebabkan oleh rakan sepasukan dikesari semasa perlawanan.

Kata kunci: faktor-faktor keagresifan, penglibatan sukan, atlet bola baling

Abstract

This study aims to examine the factors of aggression that influence the involvement of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) handball team in the UPSI Open 2019. The study sample consisted of 30 handball players ($n = 30$; male = 15, female = 15) who participated in the UPSI Open. The instrument used to measure the athlete's aggression factor is through the questionnaire '*The Judgments about Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire*' (JAMBYSQ), which assessed athletes' stage of moral development, team norm for aggression, and self-described likelihood to aggress against an opponent. The findings showed that there was no significant difference between gender (male and female) with aggression $t(28)=0.353, p=0.727, p>0.05$. Based on the JAMBYSQ questionnaire submitted, it has been identified the most significant factor that cause the occurrence of aggression among players is due to the reaction from the opponent and due to teammates being abused during the match.

Keywords: aggression factors, sports involvement, handball athlete

PENGENALAN

Sukan bola baling merupakan sukan yang kemahirannya terdiri daripada beberapa kemahiran asas permainan lain seperti bola tampar, bola keranjang dan bola sepak. Di dalam sukan ini, setiap pasukan akan berusaha untuk mendapatkan bola bagi membolehkan mereka membuat jaringan gol bagi menambah skor dan mengalahkan pihak lawan. Sukan bola baling merupakan salah satu daripada sukan sentuhan yang mempunyai risiko kecederaan yang sangat tinggi. Potensi kecederaan dalam sukan ini adalah berkaitan dengan karakteristiknya yang dinamik dan peraturan yang lebih ketat berbanding dengan bola keranjang. Kajian terdahulu melaporkan bahawa sebanyak 40 sehingga 80 peratus jumlah kecederaan berlaku di kalangan sukan bersentuhan (Fagerli, Lereim & Sahlin, 1990; Nielsen & Yde, 1988).

Menurut Azizi, Yusof, Jamaludin, Jaafar, Fawziah dan Amir, (2004), agresif ialah sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Berlakunya serangan disebabkan oleh perasaan marah, kecewa dan kejengkelan. Perasaan marah ini merupakan salah satu pendorong untuk menghasilkan tingkah laku agresif kerana biasanya seseorang yang marah lebih cenderung untuk bersikap agresif. Tingkah laku juga merupakan semua tindakan manusia yang boleh diperhati, diukur, dinilai dan sebarang perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak, secara sedar atau separa sedar. Tingkah laku adalah manifestasi fizikal sebarang sikap yang berasaskan nilai-nilai tertentu. Menurut Martin dan Pear, (2019), tingkah laku merangkumi aktiviti, aksi, prestasi, bertindakbalas, tindakan, dan reaksi dari segi teknik, aktiviti yang melibatkan otot-otot, kelenjar dan aktiviti elektrik oleh setiap organ. Rogers dan Skinner (1956), menekankan bahawa seseorang individu bertingkah laku mengikut persepsi diri sendiri dan keadaan. Sekiranya individu itu mempunyai konsep kendiri yang positif maka beliau berupaya berinteraksi dan bertindak dengan lebih yakin.

Dari sudut sukan, istilah keagresifan sering dikaitkan dengan perlakuan yang negatif dan bertentangan dengan etika kesukunan (Silva & Conroy, 1980). Adakalanya keagresifan itu merupakan satu keperluan dalam diri atlet dalam mencapai kejayaan, namun seringkali keagresifan itu dikaitkan dengan tingkah laku yang tidak diingini seperti mengasari pihak lawan dengan sengaja, provokasi terhadap pihak lawan, dan sebagainya. Hal ini biasanya terjadi pada waktu kemuncak perlawanan dimana pihak lawan mendahului mata dalam perlawanan. Situasi ini boleh mengganggu kelancaran sepanjang permainan dan mengakibatkan pemain-pemain hilang fokus untuk bermain.

Sifat dan sikap agresif memang sinonim dengan sukan terutamanya sukan yang berbentuk sentuhan seperti bola baling. Terdapat banyak definisi mengenai keagresifan yang diutarakan oleh ramai penyelidik untuk menjelaskannya. Di antaranya adalah, menurut Baron dan Richardson (1994), keagresifan merupakan apa sahaja bentuk tindakan atau perlakuan yang bermatlamat untuk menyebabkan kecederaan ke atas individu lain dan berusaha untuk mengelakkan diri dari kecederaan. Manakala, definisi yang diutarakan oleh Wann, Carlson & Schrader (1999), berkenaan dengan keagresifan ialah merupakan satu bentuk tindakan yang bermatlamat mengakibatkan kecederaan secara fizikal, verbal atau psikologikal ke atas seseorang yang berusaha untuk mengelakkan diri dari dicederakan atau perbuatan yang mendatangkan kerosakan kepada harta benda.

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan berkaitan dengan keagresifan dalam sukan. Menurut hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Singh (2017) terhadap 250 orang lelaki dan wanita pemain bola tampar bandar dan luar bandar mendapati bahawa pemain lelaki bola baling lebih agresif berbanding pemain bola baling wanita. Manakala Shrigiriwar (2018) dalam kajian mendapati keagresifan secara terbuka dalam kalangan pemain bola baling peringkat negeri dan daerah adalah jauh lebih tinggi berbanding pemain bola baling peringkat kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa, tahap penyertaan pemain juga merupakan faktor penting dalam mendorong kepada faktor keagresifan. Oleh yang demikian, kajian in dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor keagresifan yang mempengaruhi penglibatan atlet pasukan bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Kejohanan Terbuka UPSI 2019.

METODOLOGI

Responden

Kajian ini melibatkan 30 orang pemain dari pasukan bola baling UPSI, lelaki (n=15) yang terdiri daripada pasukan lelaki dan wanita (n=15) yang terdiri daripada pasukan wanita yang berumur diantara 20 tahun hingga 26 tahun. Responden kajian terdiri daripada pemain-pemain bola baling yang mewakili pasukan UPSI semasa Kejohanan Terbuka UPSI pada tahun 2019.

Instrumen

Soal selidik '*The Judgments about Moral Behavior in Youth Sport Questionnaire*' (JAMBYSQ) yang telah digubal oleh Stephens, Bredemeier dan Shields (1997) dan diterjemahkan oleh Shaharudin (1998) digunakan untuk melihat faktor-faktor keagresifan pemain bola baling. Soal selidik ini mengandungi 22 item yang menilai tahap perkembangan moral atlet, norma pasukan terhadap keagresifan, dan kemungkinan yang dijelaskan sendiri untuk menyerang lawan. Nilai kesahan soal selidik JAMBYSQ ini adalah sebanyak 0.80. Responden diminta untuk menjawab soal selidik tersebut berdasarkan kepada skala likert dengan markah (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju).

Prosedur

Kajian ini dijalankan menggunakan metodologi tinjauan iaitu mengukur faktor-faktor keagresifan atlet pasukan bola baling UPSI dengan menggunakan soal selidik. Responden diminta untuk membaca soalan-soalan tersebut dengan teliti dan menjawab secara jujur. Soal selidik diedarkan kepada responden sebaik sahaja selesai kejohanan tersebut. Kajian ini telah mendapat persetujuan daripada jurulatih dan peserta sebelum memulakan kajian.

Analisis Statistik

Dalam kajian ini, data yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan IBM *Statistical Packages for the Social Science for Window (SPSS)* version 24.0. Analisis diskriptif dilakukan untuk melihat taburan kekerapan dan peratusan data. Ianya melibatkan penghuraian secara menyeluruh berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji dalam bentuk (frekuensi, peratus, purata, min, sisihan piawai). Statistik diskriptif dalam kajian ini digunakan untuk mengenalpasti apakah faktor yang ketara dalam keagresifan yang mempengaruhi atlet pasukan bola baling UPSI di kejohanan terbuka UPSI 2019. Manakala, Ujian *t* Sampel Bebas pula digunakan untuk membandingkan tahap keagresifan antara atlet lelaki dan perempuan semasa pertandingan bola baling. Penetapan nilai signifikan yang digunakan dalam kajian ini ialah $p < 0.05$.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan perbandingan tahap keagresifan antara atlet lelaki dan perempuan semasa perlawanan berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina (lelaki dan perempuan) dengan keagresifan $t(28)=0.353$, $p = 0.727$, $p > 0.05$.

Jadual 1. Analisis deskriptif dan ujian-*t* di antara tahap keagresifan dengan jantina atlet bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris

Pemboleh ubah Bersandar	Kategori Jantina	N	M	SD	t	df	p
Keagresifan	Lelaki	15	81.67	10.55	.353	28	.727
	Perempuan	15	80.27	11.19			

Nota: * $p \leq .05$

M min

SD sisihan piawai

Jadual 2 di bawah menunjukkan apakah faktor yang ketara dalam keagresifan yang mempengaruhi pemain bola baling semasa perlawanan. Dapat dilihat kajian menunjukkan bahawa majoriti 90.0% (N=27), atlet bersetuju menyatakan bahawa berlakunya keagresifan disebabkan oleh akibat tindakbalas dari pihak lawan dengan nilai min 4.23 dan rakan sepasukan dikasari semasa perlawanan dengan nilai min 4.13, diikuti dengan 86.7% (N=26), min 4.33 atlet setuju bahawa keagresifan berlaku di dalam situasi tertentu untuk menang, seterusnya 83.3% (N=25), min 4.20 keagresifan berlaku semasa sedang marah atau tertekan, 80.0% (N=24), min 3.97 akibat mutu kepengadilan yang rendah dan 80.0% (N=24), min 4.07 juga disebabkan oleh faktor penghinaan, 73.3% (N=22), min 3.83 keagresifan berlaku apabila pasukan mengalami kekalahan, 70.0% (N=21), min 3.77 disebabkan sokongan dan desakan daripada penonton, 66.6% (N=20), min 3.70 pula disebabkan dari corak latihan yang mempengaruhi keagresifan, 63.4% (N=19), min 3.63 disebabkan keagresifan berlaku ketika diusia remaja, tingkah laku agresif adalah perkara biasa iaitu dengan jumlah 63.3% (N=19), min 3.63 disebabkan untuk melepaskan ketegangan, 56.7 % (N=17), min 3.57 disebabkan perkara biasa dan tidak dapat dikawal dalam permainan dan 56.7% (N=17), min 3.67 juga disebabkan untuk mencapai kemenangan, 53.3 % (N=16), min 3.60 disebabkan kesempatan untuk mengasari lawan dan 53.3% (N=16), min 3.53 disebabkan berasa dendam terhadap pihak lawan, 50.0% (N=15), min 3.43 disebabkan oleh mengikut perlakuan rakan, 46.7% (N=14), min 3.17 disebabkan akibat pengaruh media massa, 43.4% (N=13), min 3.23 disebabkan akibat pengaruh model dan 43.4% (N=13), min 3.53 disebabkan keagresifan adalah sesuai untuk diri sendiri. Seterusnya, peratusan paling sedikit 36.6 % (N=11), min 2.97 disebabkan kejayaan sekarang hasil dari keagresifan dan 36.6% (N=11), min 3.17 disebabkan galakan daripada jurulatih. Oleh itu, daripada hasil dapatan kajian, faktor yang paling ketara berlakunya keagresifan adalah disebabkan oleh tindak balas dari pihak lawan dan ia berlaku apabila rakan dikasari oleh pihak lawan semasa perlawanan.

Jadual 2. Analisis diskriptif bagi faktor yang paling ketara dalam keagresifan yang mempengaruhi pemain bola baling

BIL	PERNYATAAN	SKALA					Jum %	M	SD
		1	2	3	4	5			
1	Keagresifan berlaku ketika diusia remaja.	6.7 (2)	3.3 (1)	26.7 (8)	46.7 (14)	16.7 (5)	63.4 (19)	3.63	1.03
2	Keagresifan berlaku bila pasukan mengalami kekalahan.	0.0 (0)	10.0 (3)	16.7 (5)	53.3 (16)	20.0 (6)	73.3 (22)	3.83	.87
3	Keagresifan disebabkan oleh mengikut perlakuan rakan.	3.3 (1)	13.3 (4)	33.3 (10)	36.7 (11)	13.3 (4)	50.0 (15)	3.43	1.01
4	Keagresifan berlaku di dalam situasi tertentu untuk menang.	0.0 (0)	3.3 (1)	10.0 (3)	36.7 (11)	50.0 (15)	86.7 (26)	4.33	.80
5	Keagresifan adalah biasa dan tidak dapat dikawal dalam permainan.	0.0 (0)	20.0 (6)	23.3 (7)	36.7 (11)	20.0 (6)	56.7 (17)	3.57	1.04
6	Keagresifan adalah cara untuk melepaskan ketegangan.	3.3 (1)	20.0 (6)	13.3 (4)	40.0 (12)	23.3 (7)	63.3 (19)	3.60	1.16
7	Keagresifan berlaku semasa sedang marah atau tertekan.	0.0 (0)	6.7 (2)	10.0 (3)	40.0 (12)	43.3 (13)	83.3 (25)	4.20	.89
8	Corak latihan mempengaruhi keagresifan.	0.0 (0)	10.0 (3)	23.3 (7)	53.3 (16)	13.3 (4)	66.6 (20)	3.70	.84
9	Kejayaan sekarang hasil dari keagresifan.	13.3 (4)	20.0 (6)	30.0 (9)	30.0 (9)	6.7 (2)	36.7 (11)	2.97	1.16
10	Akibat tindakbalas dari pihak lawan.	3.3 (1)	3.3 (1)	3.3 (1)	46.7 (14)	43.3 (13)	90.0*	4.23	.94
11	Akibat mutu kepengadilan yang rendah.	3.3 (1)	6.7 (2)	10.0 (3)	50.0 (15)	30.0 (9)	80.0 (24)	3.97	1.00
12	Sokongan dan desakan penonton.	0.0 (0)	16.7 (5)	13.3 (4)	46.7 (14)	23.3 (7)	70.0 (21)	3.77	1.01
13	Akibat pengaruh model.	0.0 (0)	33.3 (10)	23.3 (7)	30.0 (9)	13.3 (4)	43.3 (13)	3.23	1.07
14	Akibat pengaruh media massa.	3.3 (1)	30.0 (9)	20.0 (6)	40.0 (12)	6.7 (2)	46.7 (14)	3.17	1.05
15	Keagresifan adalah sesuai untuk diri.	3.3 (1)	10.0 (3)	43.3 (13)	16.7 (5)	26.7 (8)	43.4 (13)	3.53	1.11
16	Berlaku bila rakan dikasari.	0.0 (0)	6.7 (2)	3.3 (10)	60.0 (18)	30.0 (9)	90.0*	4.13	.78
17	Akibat penghinaan.	3.3 (1)	6.7 (2)	10.0 (3)	40.0 (12)	40.0 (12)	80.0 (24)	4.07	1.05
18	Kesempatan untuk mengasari lawan.	0.0 (0)	16.7 (5)	30.0 (9)	30.0 (9)	23.3 (7)	53.3 (16)	3.60	1.04

19	Galakan daripada jurulatih.	6.7 (2)	30.0 (9)	26.7 (8)	13.3 (4)	23.3 (7)	36.6 (11)	3.17	1.29
20	Tingkah laku agresif adalah perkara biasa.	3.3 (1)	6.7 (2)	26.7 (8)	50.0 (15)	13.3 (4)	63.3 (19)	3.63	.93
21	Keagresifan adalah cara untuk capai kemenangan.	0.0 (0)	16.7 (5)	26.7 (8)	30.0 (9)	26.7 (8)	56.7 (17)	3.67	1.06
22	Akibat dendam terhadap pihak lawan.	6.7 (2)	16.7 (5)	23.3 (7)	23.3 (7)	30.0 (9)	53.3 (16)	3.53	1.28

M min

SD sisisian piawai

1 – Sangat Tidak Setuju (STS), 2 – Tidak Setuju (TS), 3 – Tidak Kisah (TK), 4 – Setuju (S), 5 – Sangat Setuju (SS)

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada soal selidik JAMBYSQ yang dikemukakan untuk mengenalpasti perbezaan tahap keagresifan terdapat jantina atlet pasukan bola baling lelaki dan wanita UPSI semasa Kejohanan Terbuka UPSI 2019 mendapat bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara atlet bola baling lelaki dan wanita UPSI semasa kejohanan tersebut. Soal selidik ini dibentuk untuk menilai tahap perkembangan moral atlet, norma pasukan untuk keagresifan, dan kemungkinan yang digambarkan sendiri untuk menyerang lawan. Terdapat pelbagai teori yang boleh dikaitkan dengan keagresifan dalam sukan. Kajian ini disokong oleh Teori Pemahaman Moral yang diperkenalkan oleh Bredemeier (1994) yang melihat perlakuan agresif berdasarkan Teori Pembangunan Kognitif Piaget. Menurut Bredemeier (1994), kemahanan seseorang individu untuk melibatkan diri atau melakukan tindakan yang agresif bergantung kepada tahap pemahaman moral. Individu yang tinggi tahap pemahaman moral lazimnya tidak akan melakukan sesuatu tindakan yang agresif yang secara melulu jika dibandingkan dengan mereka yang tahap pemahaman moralnya rendah. Oleh kerana keagresifan dianggap sebagai satu tindakan yang menyalahi etika kehidupan manusia, maka terdapat perkaitan di antara tahap pemahaman moral manusia dengan perlakuan agresif dalam sukan. Dalam pengertian ini, ahli sukan memperolehi kemenangan atau kekalahan tanpa keluhan dan ai adalah adil tanpa faktor-faktor yang negatif. Tambahan lagi, semangat kesukaran memerlukan keseimbangan di antara empat elemen iaitu kedilan, kesaksamaan, pembetukan yang baik dan kemahanan untuk memang (Abad, 2010). Selain itu, di dalam kajian yang dijalankan oleh Eric & Patricia (2016) untuk melihat berbezaan dalam penilaian moral di kalangan 216 atlet bola baling dari pelbagai peringkat umur telah mengesahkan bahawa pertimbangan moral meningkat sering dengan bertambahnya usia.

Hasil kajian ini juga mendapat bahawa faktor yang paling ketara berlakunya keagresifan semasa pertandingan adalah disebabkan oleh akibat tindakbalas dari pihak lawan dan keagresifan berlaku apabila rakan sepasukan dikasari oleh pihak lawan. Dapat dilihat bahawa keagresifan berlaku disebabkan oleh tindak balas dari pihak lawan yang memberi kecenderungan kepada seseorang individu itu untuk bertindak balas secara agresif. Goldenson & Glanze (1984) menyatakan bahawa keagresifan merupakan tingkah laku yang disertakan dengan kemarahan, keganasan atau sifat bertanding. Menurut Lorenz (1966), keagresifan adalah sesuatu yang lahir dalam diri individu dan perlu dibebaskan. Lorenz (1966), Ardrey (1961) dan Morris (1968), pula mencadangkan agar naluri keganasan dan keagresifan semulajadi ini dilepaskan melalui aktiviti fizikal atau pertandingan sukan. Walau bagaimanapun penyelidik-penyelidik lain tidak menyokong teori ini kerana tidak terdapat naluri agresif biologi yang dikenalpasti atau dikaitkan kepada keupayaan manusia bertindak agresif (Cratty, 1989; Gill, 1985; Weinberg & Gould, 1999). Selain daripada itu, posisi pemain juga perlu diambilkira untuk menentukan keagresifan di kalangan atlet bola baling. Ini merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Nagaraj, Manjunatha & Viswanatha (2020) untuk melihat tingkah laku keagresifan di kalangan atlet bola baling di peringkat sekolah Kebangsaan. Mereka telah mendapat bahawa, penyerang akan mempunyai kecenderungan untuk bertindak lebih agresif dan mempunyai

kecerdasan fizikal yang lebih tinggi berbanding dengan pemain serba boleh (*all-rounder*) termasuk pemain pertahanan.

KESIMPULAN

Daripada hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap keagresifan di antara jantina atlet pasukan bola baling UPSI semasa Kejohanan Terbuka UPSI 2019. Sebagai atlet yang mewakili pasukan universiti, mereka boleh dianggap mempunyai tahap pemahaman moral yang tinggi dan bermain mengikut peraturan dan etika yang ditetapkan. Namun, faktor yang paling ketara berlakunya keagresifan dalam kalangan mereka semasa pertandingan adalah akibat tindak balas dari pihak lawan dan berlaku apabila rakan sepasukan dikasari. Ini menunjukkan bahawa akibat tindak balas atau rakan sepasukan dikasari oleh pihak lawan boleh menyebabkan berlakunya keagresifan semasa pertandingan di kalangan atlet. Kajian aspek keagresifan di kalangan atlet pada masa akan datang boleh diperluaskan lagi dengan melibatkan lebih banyak sampel daripada pelbagai jenis sukan sentuhan. Ia juga boleh dikaji darisegi faktor perbezaan umur, jenis kategori sukan, pengalaman sukan serta tahap penyertaan.

RUJUKAN

- Abad, D. (2010). Sportsmanship. *Sport, ethics and philosophy*, 4(1), 27–41.
- Ardrey, R. (1961). *African Genesis*. New York: Atheneau.
- Azizi, Y., Yusof, B., Jamaludin, R., Jaafar, S. L., Fawziah, Y., & Amir, H. A. (2004). *Psikologi Sosial*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Baron, R. A., & Richardson, D. R. (1994). *Human Aggression (2nd Ed.)*. New York: Plenum.
- Bredemeier, B. J. L. (1994). Children's moral reasoning and their assertive, aggressive, and submissive tendencies in sport and daily life. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 16(1), 1-14.
- Cratty, B. J. (1989). *Psychology in Contemporary Sport*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Eric, F., & Patricia, R. P. (2016). Condoning aggressive behaviour in sport: A cross-sectional research in a few consecutive age categories. *Journal of Moral Education*, 45(1), 87-103.
- Fagerli, U. M., Lereim, I., & Sahlin, Y. (1990). Injuries in handball players. *Tidsskrift for den Norske lægeforening: tidsskrift for praktisk medicin, ny række*, 110(4), 475-478.
- Gill, P. (1985). *Idrottsvåld, Aggression Within Sport*. Halmstad: Högskolan. Rapport.
- Goldenson, R. M., & Glanze, W. B. (1984). *Longman dictionary of psychology and psychiatry*. New York: Longman.
- Lorenz, K. (1966). On Aggression. New York: Harcourt, Brace & World.
- Martin, G., & Pear, J. (2019). *Behavior modification: What it is and how to do it*. Routledge.
- Morris, D. (1968). *The Naked Ape*. New York: McGraw-Hill.
- Nagaraj, G. P., Manjunatha, S. K., & Viswanatha, T. (2020). A study on aggressive behaviour of school national handball players. *International Journal of Physical Education, Sports and Health*, 7(4), 164-166.
- Nielsen, A. B., & Yde, J. (1988). An epidemiologic and traumatologic study of injuries in handball. *International Journal of Sports Medicine*, 9(05), 341-344.
- Rogers, C. R., & Skinner, B. F. (1956). Some Issues Concerning the Control of Human Behavior. *Science*, 124(3231), 1057–1066.
- Shaharudin Abd Aziz (1998). *Aggressive Tendencies in Malaysian youth soccer: An examination of individual and contextual factors*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Iowa: The University of Iowa.
- Shrigiriwar, B. V. (2018). A study of overt aggression among handball players: With reference to level of participation. *International Journal of Physiology, Nutrition and Physical Education*, 4(1), 520-521.
- Silva, J. M., & Conroy, D. E. (1980). Understanding aggressive behavior and its effects upon athletic performance. *Sport psychology: An Analysis of Athlete Behavior*, 2, 177-186.
- Singh, A. (2018). A comparative study of aggression level of men and women handball players representing all India inter university. *International Journal of Physiology, Nutrition and Physical Education*, 3(1), 1236-1238.

- Stephens, D. E., Bredemeier, B. J. L., & Shields, D. L. L. (1997). Construction of a measure designed to assess players' descriptions and prescriptions for moral behavior in youth sport soccer. *International Journal of Sport Psychology*, 28(4), 370-390.
- Wann, D. L., Carlson, J. D., & Schrader, M. P. (1999). The Impact of Team Identification on The Hostile and Instrumental Verbal Aggression of Sport Spectators. *Journal of Social Behavior and Personality*, 14, 279-286.
- Weinberg, R., & Gould, D. (1999). *Foundations of sport and exercise psychology* (2nd Ed). Human Kinetics Publishers (UK) Ltd.

 Mon Redee Sut Txi

Faculty of Sports Science and Coaching,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tg Malim, Perak, MALAYSIA
Email: monredees@fsskj.upsi.edu.my